



MINISTRY OF COMMUNICATIONS  
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity  
MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

19 DISEMBER 2019

UNTUK SIARAN SEGERA

## PENUBUHAN PERSATUAN PENYELIDIKAN FORENSIK DIGITAL OLEH CYBERSECURITY MALAYSIA

**CYBERJAYA (19 DISEMBER 2019)** - CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mengumumkan penubuhan **Persatuan Penyelidikan Forensik Digital**.

Persatuan ini ditubuhkan sebagai satu platform perbincangan, perkongsian maklumat serta pengetahuan mengenai penyelidikan dan pembangunan bidang forensik digital serta keselamatan siber dalam kalangan ahli akademik dan pengamal industri keselamatan siber di Malaysia.

Menurut Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia "Persatuan Penyelidikan Forensik Digital ini merupakan yang pertama seumpamanya ditubuhkan untuk membina jaringan profesional bagi mempromosi dan memajukan bidang sains forensik digital dan keselamatan siber. Melalui persatuan ini, ahli-ahli boleh merangka strategi dan mencari penyelesaian terhadap sesuatu isu, menangani masalah serta cabaran berkaitan forensik digital dan keselamatan siber di Malaysia."

"Dengan adanya persatuan ini, kualiti penyelidikan saintifik dapat ditingkatkan demi pembangunan bidang sains forensik digital di Malaysia. Malah, persatuan ini juga dijangka dapat melestari bidang sains forensik digital sebagai pilihan utama seterusnya memastikan kandungan pengajaran subjek sains forensik digital di institut pengajian tinggi Malaysia mengambil kira trend dan perkembangan terkini." ujar Dato' Dr. Amirudin.

CyberSecurity Malaysia yang bertindak sebagai peneraju telah membuat persediaan awal dan perancangan bagi memastikan penubuhan persatuan ini menjadi realiti. Beberapa siri perbincangan serta bengkel bersama ahli-ahli akademik yang mewakili



Best Brand  
Internet Security  
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO.: 140-400



MS ISO/IEC 17025  
TESTING  
SAMM NO. 456  
(MYST LABSOCIETY)



Status Company



Small Call Centre  
Priority Service

CyberSecurity Malaysia  
(726630-U)

T +603 8800 7999  
F +603 8008 7000  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 7, Tower 1  
Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)



Securing Our Cyberspace

beberapa insititusi pengajian tinggi tempatan juga diadakan bagi membentuk satu jawatankuasa protem persatuan seterusnya mengenalpasti hala tuju dan aktiviti yang akan dilaksanakan.



*Ahli persatuan bergambar bersama ketika program Cyber Forensics Colloquium yang diadakan pada 24 September 2019 lalu.*

Sehingga kini terdapat seramai 30 ahli Persatuan Penyelidikan Forensik Digital dari pelbagai universiti dan industri yang telah berdaftar. Antara ahli akademik yang berdaftar adalah daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Manakala wakil industri yang berdaftar adalah MIMOS Bhd, EC-Council Global Services, DELL Global Business Center Sdn Bhd dan Johor Corporation (JCorp). Setiap ahli dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM50 manakala yuran tahunan pula sebanyak RM100. Untuk menjadi ahli Persatuan, permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian melalui laman sesawang di [www.mdfsn.org.my](http://www.mdfsn.org.my).

~ Tamat ~

---

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau +603-88007999.

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) dan Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242).